

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

10. Nyatakan Pelan Tindakan Jabatan Kesihatan Negeri dalam memastikan orang awam mematuhi larangan merokok di premis makanan.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Bermula 1 Januari 2019, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018, semua tempat makan sama ada berhawa dingin atau tidak adalah diwartakan sebagai Tempat Dilarang Merokok. Amalan merokok ini adalah termasuk penggunaan rokok elektronik, vape dan shisha di tempat makan. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang melalui arahan daripada pihak Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan.

Pelan Tindakan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri untuk memastikan orang awam mematuhi larangan merokok di premis makanan adalah seperti berikut:-

- (a) Aktiviti penguatkuasaan pendidikan yang bermula pada 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019 yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-
 - (i) Pelaksanaan taklimat berkaitan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018 kepada

pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai;

- (ii) Pelaksanaan sesi dialog berkaitan penguatkuasaan larangan merokok di setiap daerah bagi memastikan pengusaha-pengusaha premis makanan mendapat maklumat mengenai perkara-perkara yang dikemas kini dalam pindaan peraturan ini;
- (iii) Pelaksanaan sesi taklimat kepada setiap premis makanan di Pulau Pinang tentang keperluan pematuhan terhadap peraturan ini. Antara maklumat yang disampaikan adalah tanggungjawab pengusaha premis makanan untuk memastikan tanda larangan merokok yang jelas diletakkan di premis mereka, langkah-langkah untuk memastikan tiada orang yang merokok di dalam premis mereka, tidak menyediakan kemudahan merokok seperti bekas abu rokok dan sebagainya serta memberi teguran kepada perokok untuk merokok di premis-premis makanan;
- (iv) Pengedaran bahan-bahan pendidikan kesihatan yang turut merangkumi maklumat mengenai bahaya merokok kepada kesihatan;
- (v) Penyampaian maklumat mengenai peraturan ini kepada pelanggan-pelanggan di premis makanan dan perokok-perokok juga diberi penerangan serta dinasihat untuk tidak merokok di premis makanan. Sekiranya pelanggan hendak merokok, pemilik premis perlu memastikan terdapat jarak sebanyak tiga (3) meter dari premis makanan tersebut;
- (vi) Notis amaran diberikan kepada mereka yang merokok di tempat makan semasa penguatkuasaan pendidikan dijalankan; dan
- (vii) Perokok juga dinasihatkan untuk berhenti merokok dengan mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di semua Klinik Kesihatan di Pulau Pinang.

- (b) Penguatkuasaan keseluruhan peraturan larangan merokok bermula pada 1 Januari 2020 yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-
- (i) Pelaksanaan tindakan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan. Bagi tahun 2020, operasi penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan akan dijalankan mengikut jadual yang telah dikeluarkan oleh KKM seperti berikut:-

Bil.	Aktiviti	Kekerapan	Tempoh
1	Penguatkuasaan Penuh	Setiap hari	1 – 14 Januari 2020
2	Penguatkuasaan Penuh	Dua kali seminggu	15 – 31 Januari 2020
3	Penguatkuasaan Penuh	Sekali seminggu	1 Feb – 31 Mac 2020
4	Penguatkuasaan Penuh	Dua kali sebulan	1 April – 30 Jun 2020
5	Penguatkuasaan Penuh	Dua kali sebulan	1 Julai – 31 Ogos 2020
6	Penguatkuasaan Penuh	Sekali sebulan	1 September – 31 Disember 2020

Operasi ini telah dan akan dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan peraturan ini dipatuhi. Walau bagaimanapun, operasi penguatkuasaan tidak dapat dijalankan sepenuhnya pada 1 Februari hingga 31 Mac 2020 susulan penularan wabak COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan mulai 18 Mac hingga 14 April 2020.

- (ii) Pengeluaran notis kompaun kepada perokok yang ditemui merokok di tempat makan dan pemberian tempoh selama sebulan dari tarikh kejadian untuk membayar kompaun. Denda yang dikenakan bagi

mereka yang melakukan kesalahan adalah tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.